

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JANUARY 2017



NAJIB TUN RAZAK mendengar rintihan Ghazali Omar ketika menziarahi di rumahnya di Pekan, semalam. - BERNAMA

Mimpi Ghazali jumpa PM jadi kenyataan

Um - 16/1/2017

PEKAN 15 Jan. - Ketua UMNO Cawangan Dusun Pinang di sini yang menghidap penyakit kanser kelenjar tahap empat tidak menyangka mimpinya menjadi kenyataan apabila menerima kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di rumahnya di Kampung Pahang Tua hari ini.

Ghazali Omar, 59, berkata, ketika dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di Kuantan dekat sini pada penghujung Disember lalu, dia bermimpi Na-

jib melawatnya.

"Saya bertanya kepada isteri, Rosida Kasim, benarkah Perdana Menteri melawat saya? Dia memberitahu itu hanya mimpi.

"Namun hari ini mimpi saya menjadi kenyataan. Terima kasih Perdana Menteri kerana sudi melawat saya," katanya ketika ditemui pemberita selepas kunjungan tersebut.

Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Pekan tiba di rumah berkenaan kira-kira pukul

10.20 pagi dan meluangkan masa kira-kira 15 minit beramah mesra dengan Ghazali serta ahli keluarganya.

Menurut Ghazali, dia tidak dapat menahan sebak apabila dimaklumkan Perdana Menteri akan melawatnya pada 9 Januari lalu.

Sementara itu, Rosida, 51, turut mengucapkan terima kasih kepada Najib dan terharu dengan keprihatinan Perdana Menteri kerana sanggup meluangkan masa melawat suaminya.